

**SIARAN MEDIA****MALAYSIA MEMBENTANGKAN VOLUNTARY NATIONAL REVIEW (VNR) 2021  
DI PERSIDANGAN HIGH LEVEL POLITICAL FORUM ON SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT (HLPF), PBB**

**PUTRAJAYA, 15 Julai 2021-** Malaysia melaporkan pencapaian Agenda 2030 bagi Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG) buat kali kedua menerusi pembentangan Voluntary National Review 2021 (VNR 2021) di Persidangan *High-Level Political Forum on Sustainable Development* (HLPF) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan secara maya.

HLPF telah ditubuhkan pada tahun 2012 di bawah Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (*United Nations Economic and Social Council - ECOSOC*) dan merupakan platform pelaporan kemajuan pelaksanaan Agenda 2030 oleh negara anggota PBB melalui pembentangan laporan VNR dan perbincangan mengenai SDG di bawah *High-level Segment of the ECOSOC*. Laporan VNR pertama negara telah dibentangkan semasa HLPF pada tahun 2017 yang bertemakan “*Eradicating Poverty and Promoting Prosperity in a Changing World*”.

Tema pelaporan VNR 2021 adalah “*Sustainable and resilient recovery from the COVID-19 pandemic that promotes the economic, social, and environmental dimensions of sustainable development: building an inclusive and effective path for the achievement of the 2030 Agenda in the context of the Global Decade of Action and Delivery for Sustainable development*”. VNR 2021 melaporkan kemajuan sembilan SDG iaitu SDG 1, 2, 3, 8, 10, 12, 13, 16 dan 17 bagi tempoh 2016/2017 sehingga 2019/2020.

Voluntary National Review 2021 mengandungi mengandungi 7 bab utama yang menerangkan mengenai kemajuan, isu dan cabaran serta cadangan hala tuju. Kejayaan Malaysia dalam beberapa aspek berdasarkan 17 matlamat SDG, antaranya ialah pertumbuhan ekonomi, penjagaan kesihatan awam, kelestarian alam sekitar,

keselamatan awam serta hubungan antarabangsa. Walaupun telah banyak kejayaan dicapai, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan pencapaian Agenda 2030. Antaranya ialah isu mal pemakanan, beban penjagaan kesihatan yang meningkat dan jurang digital.

Laporan VNR 2021 disediakan dengan mengambil pendekatan keseluruhan negara (whole-of-nation approach) dengan penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian, jabatan dan agensi berkaitan, agensi-agensi PBB di Malaysia dan rantau Asia Pasifik, sektor swasta, akademik dan pertubuhan masyarakat civil untuk memastikan pelaporan adalah komprehensif dan seimbang. Dalam hubungan ini, selain pelaporan daripada pihak Kerajaan, VNR kali ini turut memuatkan pelaporan daripada Pihak Berkusa Tempatan dan pertubuhan masyarakat civil.

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) mengetuai delegasi Malaysia dan membentangkan laporan VNR di persidangan tersebut.

Pembentangan laporan VNR 2021 di persidangan HLPF ini menzahirkan komitmen dan kesungguhan negara bagi merealisasikan Agenda 2030 untuk mencapai pembangunan mampan dan seimbang dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Laporan penuh Malaysia Voluntary National Review (VNR) 2021 boleh dimuat turun daripada laman web Unit Perancang Ekonomi atau melalui pautan:  
[https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-07/Malaysia\\_Voluntary\\_National\\_Review\\_%28VNR%29\\_2021.pdf](https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-07/Malaysia_Voluntary_National_Review_%28VNR%29_2021.pdf)

###TAMAT###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri  
15 JULAI 2021